

BN hargai sokongan sukarelawan

BH 20 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya umum lalu bukan saja kerana kekuatan parti komponen tetapi sokongan rakyat yang percaya kepada perjuangannya.

Perdana Menteri berkata, kepercayaan dan sokongan rakyat terutama daripada sukarelawan BN yang turut membantu menyanggah dakyah parti pembangkang amat dihargai kerajaan.

"BN terhutang budi kepada semua sukarelawan BN kerana memberi sokongan padu kepada kerajaan," katanya berucap pada majlis "Kami, Pemimpin, Malaysia" anjuran Sukarelawan BN Malaysia di sini, malam ini.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Sukarelawan BN Malaysia, Tengku Imann Suraiya Tengku Abdullah.

Majlis bagi meraikan kejayaan BN dalam pilihan

raya umum serta menghargai sumbangan sukarelawan itu dihadiri kira-kira 500 sukarelawan.

Dr Mahathir berkata, kehadiran sukarelawan daripada seluruh negara termasuk Orang Ash malam ini membuktikan sokongan terhadap BN adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada mana-mana golongan atau negeri.

Beliau juga menyifatkan kepercayaan dan sokongan yang diberikan kepada kerajaan sebagai kejayaan rakyat mengekalkan perpaduan kaum yang selama ini diperjuangkan BN.

"Sebahagian besar kita mempunyai kesetiaan kepada negara dan menganggap perpaduan kaum sebagai sesuatu yang amat penting kepada kita semua," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga menghargai sokongan rakyat terhadap tindakan tegasnya menghalang usaha pihak tertentu untuk mencetus huru-hara di dalam negara, baru-baru ini.

Katanya, walaupun ada

usaha pihak tertentu untuk menarik ribuan rakyat keluar menunjuk perasaan tetapi rakyat tidak memberi sokongan kerana mereka mahu mengekalkan keamanan yang dibawa BN selama ini. "Rakyat pada keseluruhannya menyokong tindakan

kerajaan. Rakyat mahu keamanan dan menolak mereka yang mahu mencetuskan rusuhan yang menggugat keamanan negara," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri memberi jaminan yang kerajaan akan sentiasa memastikan keamanan nega-

ra tidak digugat mana-mana pihak tidak bertanggungjawab.

"Walaupun mungkin tindakan kita dianggap tidak demokratik, tetapi tanggungjawab kita kepada majoriti rakyat mengatasi kemahuan pihak tertentu yang cuba men-

cetuskan huru-hara," katanya.

Dr Mahathir berharap, sukarelawan BN dapat meneruskan usaha murni mereka memantapkan sokongan rakyat kepada kerajaan serta menyanggah dakyah yang tersebar parti pembangkang.